Tel: 1-300-22-6787 Faks: 03-2056 7081
NO. 438

KHAMIS 28 06 2018

BH VARSITI
bhvarsiti@bh.com.my

58 KERJAYA Jurutera perlu pantas buat keputusan
59 USAHAWAN MUDA Kontraktor muda banyak cabaran
62 INOVASI SEM mudahkan pelajar bidang elektrik

Positif

→ **Graduan** tidak berdepan bebanan hutang
→ **Memudahkan** kerajaan menetapkan perjanjian untuk graduan menyumbang tenaga dan kemahiran dalam sektor awam
→ **Setiap** individu mempunyai kebebasan untuk belajar
→ **Individu** kurang mampu berpeluang melanjutkan pengajian di universiti
→ **Menyaksikan** usaha kerajaan yang mementingkan bidang pendidikan

PENDIDIKAN PERCUMA

Perlu kajian mendalam risiko kesan buruk, baik jika kerajaan hendak melaksanakan janji

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pendidikan percuma bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini sememangnya impian semua pihak, tetapi perlu kajian terperinci khususnya kemampuan untuk menjayakannya dari aspek ekonomi dan kaedah pelaksanaan yang berkesan.

Pakar Ekonomi, Prof Dr Shazali Abu Mansor, berkata pelaksanaan pendidikan percuma bukan mudah kerana kerajaan perlu bersikap sama rata dengan menawarkan kelebihan itu kepada semua mahasiswa sama ada di universiti awam atau IPT swasta untuk keadilan terhadap hak golongan terbabit.

Beliau berkata, sebagai mekanisme terbaik jika ingin dilaksanakan, kerajaan dicadangkan menawarkan pendidikan percuma mengikut kemampuan kewangan ibu bapa.

Katanya, kemampuan itu berdasarkan latar belakang tahap ekonomi keluarga dan sekiranya tidak mampu, mereka sepatutnya layak menerima kelebihan itu.

"Buat masa ini, kerajaan perlu melihat peruntukan dan kos perbelanjaan untuk IPT bagi menentukan sama ada pendidikan percuma boleh dilaksanakan dengan mudah atau harus dikaji secara mendalam bagi memastikan tidak timbul implikasi kepada kewangan negara.

V36 / 37

Negatif

→ **Penyalurannya** perlu adil kepada semua mahasiswa
→ **Wujud** masalah apabila mahasiswa kurang bersungguh-sungguh kerana tidak merasai kesusahan mencari wang
→ **Berisiko** menimbulkan bebanan kewangan kepada negara
→ **Mengehadkan** penyaluran kewangan kepada bidang lain yang lebih penting
→ **Graduan** tidak memiliki nilai disiplin dan tanggungjawab untuk membayar semula pinjaman

redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Berita Harian (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan Akhbar NSTP 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

[FOTO HIASAN]



***Bajet kerajaan perlu disalurkan bagi kemajuan sektor pendidikan**, termasuk infrastruktur universiti dan kelengkapan bilik kuliah, sebelum pendidikan percuma dilaksanakan.*

Aspek kemajuan, pengukuhan IPT perlu diutamakan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan disaran memajukan dan mengukuhkan bidang pendidikan tinggi di Malaysia, sebelum menawarkan pengajian secara percuma kepada mahasiswa.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Sesi 2017/2018, Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, berkata pendidikan percuma adalah tawaran yang pasti menggembirakan mahasiswa tetapi buat masa sekarang, cadangan pelaksanaan itu harus diketepikan sementara kerana masih ada misi penting perlu diberi perhatian.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Antroplogi dan Dakwah itu berkata, bajet Kementerian Pendidikan ketika ini perlu disalurkan bagi usaha meningkatkan tahap bidang pendidikan tinggi, termasuk kemudahan mahasiswa dan menggalakkan bidang penyelidikan serta produk inovasi universiti negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Muhammad Ammar Rafiq berkata, pelaksanaan pendidikan percuma di negara maju ditawarkan selepas aspek kemajuan dan pengukuhan institusi pengajian tinggi (IPT) di sana diberi perhatian sewajarnya.

"Antara perkara perlu diberi perhatian utama adalah menggalakkan graduan lepasan ijazah sarjana muda untuk menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah, iaitu sarjana dan ijazah doktor falsafah dengan menyediakan bantuan kewangan khas bagi membantu individu berminat.

"Dalam menawarkan pendidikan percuma ini, kerajaan perlu mencari mekanisme terbaik menyalurkannya supaya penerima akan benar-benar menghargai usaha dijalankan. Biasalah...benda percuma ini orang akan ambil ringan dan dikhuatiri pelajar tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu," katanya.

Muhammad Ammar Rafiq

Adib Ashman Burhan

Kajian mendalam

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar MPP Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Adib Ashman Burhan Burhanudin, berkata pelaksanaan pendidikan percuma adalah 'hadiah berharga' kepada masyarakat, terutama mahasiswa kerana mereka dapat menikmati kebebasan untuk belajar tanpa perlu menanggung beban hutang pengajian, malah golongan kurang berkemampuan mampu menggapai impian untuk belajar di universiti.

"Namun, sebelum dilaksanakan, kerajaan harus memikirkan kaedah penyaluran terbaik kepada mahasiswa, seperti pendidikan percuma ini untuk siapa, adakah diberikan kepada semua atau warganegara sahaja, adakah berkuota atau terbuka, adakah dilaksana di universiti awam sahaja atau semua IPT.

"Di negara luar, antaranya Finland dan Norway, pendidikan percuma untuk IPT diberikan kepada semua pelajar, termasuk dari negara luar, tetapi di Denmark dan Switzerland misalnya, pendidikan jenis ini tidak diberikan kepada pelajar antarabangsa," katanya.

Di Malaysia jika dilaksanakan, beliau berharap pemberian itu dikaji sama ada membabitkan yuran pengajian sahaja atau meliputi yuran perkhidmatan dan yuran penginapan.

Jejas pendapatan

Adib Ashman Burhan berkata, kerajaan juga perlu mengkaji kesan buruk pelaksanaannya jika ditawarkan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, jika dilaksanakan, tindakan itu kemungkinan menjejaskan pendapatan negara kerana hanya berdasarkan minyak dan cukai, selain tidak menerima bayaran balik pinjaman PTPTN yang masih gagal dilangsaikan graduan terdahulu walaupun jumlah itu mampu digunakan sebagai kos pelaksanaan pinjaman percuma.

"Kita memerlukan masa untuk mengkaji semula relevan atau tidak pendidikan percuma ini.

"Cadangan saya adalah buat masa ini, kerajaan boleh menambah dan meningkatkan jumlah biasiswa untuk mahasiswa yang berkelayakan, malah menggesa graduan yang tidak membayar hutang pelajaran, termasuk PTPTN melangsaikannya sebagai menjana pendapatan kementerian," katanya.

Universiti Al-Azhar tawar pendidikan percuma

[FOTO HIASAN]

***Pendidikan percuma mampu memberi peluang** kepada lebih ramai individu, terutama golongan kurang mampu melanjutkan pengajian ke universiti.*

Kuala Lumpur: Universiti Al-Azhar di Mesir menjadi institusi pengajian tinggi awam di dunia yang menawarkan pendidikan percuma melalui konsep wakaf dan biasiswa sejak lebih 1,000 tahun lalu.

Pendidikan percuma itu sebagai penghargaan kepada mahasiswanya, selain menggalakkan lebih ramai pelajar lepasan sekolah dari serata dunia melanjutkan pembelajaran ke pusat pendidikan bertaraf antarabangsa itu.

Mengakui kelebihan ditawarkan universiti terkemuka dunia itu, seorang mahasiswa Universiti Al-Azhar, Sharifah Azirah Mohd Zainudin, berkata pendidikan percuma disalurkan universiti itu bukan berbentuk wang secara terus ke tangan pelajar, sebaliknya melalui biasiswa dan kos pembayaran yuran pendaftaran.

Konsep pinjaman percuma di Universiti Al-Azhar, katanya, pelajar tidak perlu membayar yuran pengajian kemasukan dan kos pendaftaran semester baharu dalam jumlah besar seperti di universiti lain kerana lebihan pembayaran itu dikecualikan universiti.

"Yuran kami masih bayar tetapi sekadar RM100 sudah mencukupi untuk mendaftar dan meneruskan pengajian pada setiap semester.

"Pensyarah juga tidak menerima bayaran mengajar, melainkan memperoleh pendapatan melalui hasil penjualan buku pembelajaran yang disediakan universiti atau ditulis mereka sendiri," katanya ketika dihubungi *BH Varsiti*.

Tidak berhutang

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah Islamiyah) itu, berkata mahasiswa di Universiti Al-Azhar juga berpeluang memohon biasiswa disediakan pihak universiti dan kerajaan Kuwait, tetapi bergantung kepada syarat tertentu antaranya prestasi peperiksaan.

Bagi mahasiswa yang layak menerima biasiswa, katanya, mereka dikehendaki membuka akaun bank, sebelum bantuan kewangan disalurkan dalam jumlah kira-kira RM800 setahun daripada universiti, manakala RM750 daripada Kuwait untuk setiap tiga bulan.

Sharifah Azirah

Ditanya pandangannya mengenai pendidikan percuma, Sharifah Azirah, berkata pelaksanaan sistem itu sangat bagus kerana boleh membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk belajar dengan selesa.

Selain itu, katanya, pendidikan percuma memberi peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran secara lebih terbuka dan menggalakkan lepasan sekolah mengikuti pengajian di universiti tanpa kerisauan dibebani hutang akademik.

"Cuma jika mahu melaksanakan pendidikan percuma di Malaysia, saya harap kerajaan menyalurkan dana mencukupi untuk memperbaiki sistem dan kemudahan di universiti demi keselesaan mahasiswa.

"Jika guna sistem pendidikan percuma seperti wakaf misalnya, penyaluran kewangan untuk kemudahan lain mungkin jadi terhad, seperti sistem pengurusan, penyediaan kemudahan dan kaedah pembelajaran boleh menjadi tidak profesional serta kurang sistematik," katanya yang dijangka menamatkan pengajian diikutinya selama empat tahun pada 2020.

Kesan terhadap kestabilan kewangan negara

Prof Dr Shazali Abu Mansor

← Dari V35

Prof Shazali berkata, kerajaan mungkin boleh menggunakan kaedah wakaf atau zakat, tetapi timbul persoalan sejauh mana sumber terbabit mencukupi dan akan sentiasa diperoleh dalam jangka masa panjang bagi menampung pendidikan mahasiswa.

"Bagi saya buat masa terdekat adalah menjana ekonomi kukuh terlebih dulu dan jika ingin membantu pelajar, hapuskan faedah pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Lagipun, pelaksanaan pendidikan percuma dikhuatiri menimbulkan risiko kesan buruk, antaranya mewujudkan mahasiswa yang kurang menghargai tanggungjawab sebagai pelajar dan melahirkan graduan kurang berkualiti," katanya kepada *BH Varsiti*, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan *Putra Business School*, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pelaksanaan pendidikan percuma memiliki kesan positif dan negatif yang perlu diperhalusi kerajaan secara teliti sebelum kaedah itu dikuatkuasakan.

Beliau berkata, konsep wakaf yang dicadangkan segelintir pihak seperti dilaksanakan universiti tertentu, boleh diguna pakai sekiranya bersesuaian namun persoalannya, bagaimana dengan mahasiswa negara luar beragama Islam dan mahasiswa bukan Islam.

Katanya, dalam menangani isu ini, pelajar antarabangsa seharusnya perlu membayar yuran pengajian dan pendidikan mengikut harga pasaran semasa, manakala mahasiswa tempatan masing-masing ditawarkan pendidikan percuma mengikut kaedah wakaf serta sumbangan kewangan penderma.

Ahmed Razman berkata, di negara maju, misalnya seperti di Jerman, pendidikan percuma memang diamalkan tetapi implikasinya cukai individu dan syarikat, selain Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di sana dikenakan pada kadar yang tinggi.

Tampung kos

Di Malaysia yang menyaksikan negara akan melaksanakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), katanya, sumber kewangan daripada cukai itu diharap mampu membantu menampung kos pendidikan percuma, sekali gus tidak menimbulkan bebanan terhadap kewangan negara serta masyarakat.

"Pendidikan percuma sudah pasti memberi kelebihan kepada mahasiswa kerana mereka tidak berdepan beban hutang dan tidak perlu memikirkan pembayaran balik pinjaman pendidikan.

"Bagaimanapun, jika tidak berjaya diteruskan atau gagal dilaksanakan dengan baik kerana sumber ekonomi terhad, ia akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan negara," katanya.

Beliau berkata, jika ingin menawarkan pendidikan percuma, kerajaan perlu membuat perjanjian dengan mahasiswa supaya perlu menyumbang kepada sektor pekerjaan awam dalam tempoh tertentu supaya kemahiran dimiliki dapat disalurkan untuk menjana ekonomi negara melalui bidang diceburi.

Dr Ahmed Razman Abdul Latif